

BAB 2

INTEGRASI ETNIK DI MALAYSIA

Tinjauan konsep integrasi di Malaysia adalah wajar didahului dengan catatan ringkas sejarah kewujudan pelbagai etnik di Malaysia. Seterusnya perbincangan akan dijuruskan pula kepada aspek perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam isu interaksi dan integrasi kaum di Malaysia. Sehubungan dengan itu situasi persejarahan lepas perlu dihalusi dalam menilai sejauh manakah interaksi dan integrasi etnik dalam satu-satu masa dan tempat berkemungkinan berubah mengikut peredaran masa dan zaman.

2.1 Etnisiti di Malaysia

Dalam melihat asal-usul kewujudan kepelbagaian kumpulan etnik di Malaysia, kita akan meninjau Semenanjung Malaysia pada zaman pra-kolonial dan zaman kolonial. Sepertimana yang kita sedia maklum, pada zaman pra-kolonial Semenanjung Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Semenanjung Tanah Melayu atau Malaya sehingga pada tahun 1963 yang mana ianya mula dikenali sebagai Malaysia.

Semenanjung Tanah Melayu mempunyai kedudukan strategik yang berfungsi sebagai perantara bagi hubungan perdagangan timur dan barat telah mengundang pedagang daripada segenap pelusuk dunia. Di kalangan mereka ini turut disertai oleh golongan para alim-ulamak dan cerdik-pandai. Mereka ini

terdiri dari pelbagai kumpulan etnik seperti China, Vietnam, Siam, Indonesia, India, Arab dan juga Eropah yang telah mewujudkan petempatan serta koloni-koloni mereka di sini dalam bentuk penempatan sementara mahupun tetap.

Menurut Nagata (1979:6), para pedagang yang kekal lama di sini kadang kala akan mewujudkan ‘wilayah’ mereka yang tersendiri dan mereka ini akan mempamerkan pelbagai bentuk interaksi. Melihat kepada aspek perkembangan sosial masyarakat para pedagang yang wujud ini, keadaan yang serupa turut wujud di kawasan tumpuan perdagangan penting yang lain seperti di Palembang, Surabaya, Bantam, Brunei, Pattani dan Aceh.

Persamaan turut wujud dalam bentuk pertempatan berkelompok pedagang yang datang. Di samping itu juga kelas pemerintah yang terdiri daripada para sultan mahupun raja, biasanya bergantung kepada pengaruh para pedagang asing ini. Pergantungan ekonomi para pemerintah adalah sebagai pemilik tanah, pengutip cukai, pemilik kapal dan penguasa politik. Keadaan ini menggalakkan stratifikasi sosial di kalangan pedagang terutama sekali daripada golongan-golongan pedagang yang mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan politik mereka.

Pengaruh budaya awal di Semenanjung Tanah Melayu adalah dari benua kecil India semenjak dari kurun kelima atau keenam ataupun mungkin lebih awal daripada itu yang mana bukti kewujudannya terserlah dengan adanya bukti-bukti

arkeologi dan persejarahan. Elemen agama dan budaya India adalah elemen utama yang disebarluaskan keseluruh Semenanjung dan Indonesia. Sehingga kini kesan pengaruh budaya masyarakat India masih dapat dilihat dengan jelas di dalam budaya masyarakat Melayu sendiri sama ada di peringkat rakyat biasa mahupun melalui upacara-upacara rasmi yang melibatkan kesultanan atau pembesar-pembesar Melayu (Nagata, 1979:6-7).

Ini disusuli pula dengan kedatangan para pedagang dan mubaligh dari China yang mana menurut kronologi kedatangan para pedagang, adalah seawal kurun keempat manakala kedatangan sami-sami Buddha pula pada kurun kelima dan keenam. Para pedagang Cina ini telah kekal di Semenanjung dalam kurunkurun berikutnya sehingga salah satu bentuk momentum baru iaitu dengan bertapaknya kolonialisasi Eropah yang terus memusatkan kemasukan imigran-imigran Cina ke Kepulauan Asia Tenggara (Nagata, 1979).

Kedatangan para pedagang Arab ke Tanah Asia Tenggara berkembang pesat pada kurun kelimabelas dan keenambelas. Pengembangan agama Islam oleh mubaligh-mubaligh jelas pesat di Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia terutama sekali dengan jumlah penganut Islam yang semakin ramai di kawasan-kawasan ini dan ianya masih kekal sehingga kini.

Semenanjung Tanah Melayu di zaman pra-kolonial ini tidak mempunyai sebarang sempadan dalam konteks moden sehingga kewujudan penjajah dan

pemerintahan oleh kuasa kolonial. Daripada aspek politik pula, jelas Semenanjung Tanah Melayu merupakan satu kawasan terbuka yang tiada sempadan, tanah untuk para perintis dan juga untuk pelbagai kaum. Segala hakmilik adalah berdasarkan kepercayaan dan warisan dan tanpa campur tangan dari pihak-pihak lain.

Keadaan ini terus wujud untuk beberapa kurun berikutnya sehingga Galah Portugis mula bertapak pada tahun 1511 yang kemudiannya telah menjadi pelopor pemerintahan kolonial Eropah yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu, diikuti oleh kehadiran British di Pulau Pinang pada tahun 1786. Walaubagaimanapun Perjanjian Pangkor 1874 telah diiktiraf sebagai permulaan bertapaknya kolonial British di Semenanjung Tanah Melayu. Penguasaan British terhadap kuasa politik sultan dan pembesar Melayu adalah satu proses yang beransur dan perlahan-lahan.

Penguasaan politik oleh British berterusan selama beberapa dekad dalam sektor ekonomi dan campurtangan dalam arena politik pula semenjak daripada akhir kurun kelapanbelas. Pada ketika ini, etnisiti kurang penting sebagai satu asas identiti tetapi sebaliknya merujuk kepada aspek yang lebih luas iaitu seperti dalam pertimbangan ekonomi dan politik. Ini merupakan tapak bagi kewujudan perbezaan etnik. Kepentingan pembangunan berterusan oleh pihak British telah mewujudkan garisan antara kumpulan etnik dari segi pembahagian kerja iaitu orang Melayu dalam sektor kerajaan dan pertanian, orang Cina sebagai

pelombong dan peniaga dan orang India sebagai pekerja estet dan ladang. Pada ketika ini isu etnik, ekonomi, politik dan perundangan mula disamaratakan dan isu sempadan semakin tegar.

Situasi yang wujud ini dapat diterangkan dari perspektif Karl Marx mengenai kolonisasi yang dijelaskan dalam teori stratifikasinya. Menurut Marx, masalah hubungan ras wujud apabila penjajah bertapak di satu-satu kawasan atau ke atas suatu negara dan rakyat, sama ada di tanah air mereka sendiri mahupun di tempat lain dengan tujuan untuk mengeksplotasi hasil alam yang diperolehi melalui penaklukan ataupun ‘penemuan’. Akhirnya akan wujudlah dua kelas utama iaitu kelas yang dominan (atasan) dan kelas pekerja (bawahan). Menurut beliau lagi kelas yang lebih *superior* ini akan mendapat kesenangan sama ada dari segi ekonomi mahupun politik dan akhirnya mewujudkan budaya mereka yang tersendiri (Bowker dan Carrier, 1976:10).

Pendapat yang serupa turut dikemukakan oleh Stockwell (1983), Abraham (1983) dan Hirschman (1987), yang mana menurut mereka, antara faktor yang menyumbang kepada perbezaan etnik adalah kolonisasi dan jika dilihat secara strategiknya, eksplotasi yang dilakukan memerlukan campurtangan politik yang akan mempergunakan pembahagian kerja antara kumpulan etnik untuk mengendalikan masyarakat dan hakmilik mereka. Ekonomi politikal kolonial berterusan dan mewujudkan ideologi-ideologi etnik yang

memastikan pengekalan dan kesinambungan dominasi British (Lee dan Ackerman, 1997:20).

Kedatangan pendatang Cina dan India digalakkan sehingga pada zaman kemelesetan iaitu di awal tahun 1930-an apabila berkurangnya permintaan bagi biji timah dan getah. Walaupun imigrasi baru tidak dibenarkan di sekitar tahun 1980-an, mereka yang telah berada di Semenanjung Tanah Melayu ingin kekal di sini. Semenjak itulah kita dapat bahawa ratio komposisi etnik telah wujud dan ratio ini tidak banyak berubah sehingga ke hari ini.

Akibat daripada wujudnya pengkategorian mengikut etnik atau bangsa ini, tahap integrasi dan interaksi di kalangan pelbagai kumpulan etnik ini telah merosot. Selain daripada itu, antara sebab lain yang wujud adalah sebahagian daripada para pendatang menganggap kedatangan mereka ke Semenanjung Tanah Melayu hanyalah sekadar persinggahan sementara dan mereka tidak ingin terus tetap di sini dan menganggapnya seperti tanah air mereka sendiri. Sehubungan dengan itu mereka merasakan bahawa mereka tidak perlu berinteraksi dan berintegrasi dengan orang Melayu khususnya, memandangkan mereka akan kembali ke China atau India setelah berjaya mengumpul duit simpanan yang secukupnya (Gomez dan Jomo, 1997:11).

Sehubungan dengan itu, apabila Perlembagaan Persekutuan diwujudkan pada tahun 1948, isu status pendatang dan keturunan mereka perlu diberi


perhatian. Malayan Union pula telah dicadangkan pembentukannya dua tahun sebelum Perlembagaan Persekutuan diwujudkan disebabkan oleh isu yang sama. Orang Melayu mula merasakan yang mereka telah menjadi seperti komuniti etnik yang lain dan bukan lagi satu bangsa sebelumnya. Kemerdekaan telah diperolehi daripada kerajaan British pada tahun 1957 yang mana beberapa perkara di atas telah dikaji semula seperti isu status, bahasa, agama dan keistimewaan orang Melayu.

Jadi dapat kita saksikan di sini bahawa isu etnik sebenarnya wujud hasil dari pelbagai peristiwa lepas yang telah mewujudkan garisan bagi membezakan setiap kumpulan etnik ini dengan memberi label dan kepentingan tertentu kepada kumpulan-kumpulan etnik ini. Apa yang bermula sebagai satu percampuran yang sihat pada pertengahan kurun kesembilan belas telah berakhir dengan kewujudan institusi berkepentingan tertentu, blok-blok politik berdasarkan etnik, dan pergabungan berdasarkan slogan tertentu yang membezakan satu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain.

Asma Abdullah telah meringkaskan tahap ombakan pengaruh luar seperti yang telah dibincangkan di atas menerusi Carta 2.1 di sebelah. Beliau telah membahagikan pengaruh kemasukan luar ini kepada tiga fasa (ombakan) utama iaitu di sekitar tahun 1400-an (zaman pra-kolonial), diikuti oleh tahun 1800-an (zaman penjajahan kolonial) dan tahun 1970-an (zaman perindustrian). Pada setiap tahap ini turut dipaparkan penghijrahan masuk kumpulan etnik dari

pelbagai negara. Walaubagaimanapun apa yang jelas di sini adalah faktor ekonomi Malaysia telah menjadi asas penting kepada aliran kemasukan pengaruh luar ini.

Carta 2.1: Tahap Ombakan Pengaruh Luar (.Waves of Foreign Influence)



(Sumber: Asma Abdullah, 2003:49)

Oleh itu, dalam kita melihat kajian hubungan etnik ini, adalah sukar untuk kita menolak dakwaan bahawa integrasi adalah suatu perkara yang membentuk keharmonian manakala konflik pula adalah sesuatu yang memudaratkan dan membawa kepada kehancuran. Sehubungan dengan itu dalam setiap hubungan interaksi yang wujud dalam masyarakat yang terdiri dari pelbagai kumpulan etnik akan wujud dakwaan dan kajian-kajian tentang masalah-masalah yang mungkin timbul dalam proses interaksi harian di antara mereka dari pelbagai sudut kehidupan. Sejauhmanakah masalah interaksi ini akan menggugat hubungan

yang wujud akan kita halusi menerusi hasil-hasil kajian yang diperolehi dari kajian-kajian tokoh terdahulu.

2.2 Proses Interaksi dan Integrasi

Dalam mewujudkan senario yang sihat dan menyenangkan dalam hubungan interaksi harian pelbagai kumpulan etnik di Malaysia, ia tidak terletak di bahu pihak-pihak tertentu sahaja, bahkan ianya menglibatkan pelbagai institusi yang wujud dalam masyarakat. Menurut Nagata (1979: 235), di Malaysia, institusi pendidikan menjadi arena utama dalam mewujudkan integrasi etnik yang mana ianya hanya berlaku pada tahap tertentu sahaja seperti di peringkat negeri yang jelas meletakkannya di dalam kategori ‘masyarakat majmuk’ seperti mana yang dinyatakan oleh Despres (1975), Smith (1960) dan Van den Berghe (1967).

Di sini kita akan cuba mengenalpasti antara institusi-institusi lain yang turut memainkan peranan dalam hubungan interaksi antara kumpulan etnik terutama sekali di dalam persekitaran yang tidak formal umpamanya dalam perjumpaan harian, dalam urusan jual-beli dan aktiviti-aktiviti lain yang biasanya wujud dipersekitaran mahupun di kawasan tempat tinggal yang terdiri daripada kumpulan etnik berbeza. Keadaan ini mungkin dapat memperjelaskan pelbagai senario yang biasanya kurang diberi perhatian apabila kita melihat model masyarakat majmuk.

Antara institusi yang turut menyumbang usaha dalam mempergiatkan interaksi dan integrasi antara pelbagai kumpulan etnik secara langsung maupun tidak langsung adalah institusi pendidikan, institusi agama, institusi persanakan, institusi bukan kerajaan dan juga institusi politik. Melihat kepada institusi pendidikan, ciri utama pendidikan kolonial adalah berdasarkan kepada polarisasi dan diskriminasi. Fungsi institusi pendidikan telah dikaji semula selepas kemerdekaan yang mana fungsi institusi pendidikan telah dirombak semula oleh Jawatankuasa-jawatankuasa terlibat yang berpendapat bahawa:

“...Matlamat mutakhir dasar pendidikan negara ini adalah untuk menyatupadukan kanak-kanak semua kaum di bawah satu sistem pendidikan apabila bahasa kebangsaan merupakan bahasa pengantar utama, dan namun begitu kemajuan arah matlamat ini hendaklah secara beransur-ansur.” (Federation of Malaya, 1956:3).

Institusi agama di Malaysia umpamanya terdiri daripada beberapa ugama besar iaitu Islam, Buddha, Hindu dan Kristian. Jadi sekiranya kita melihat dari aspek kepercayaan ini setiap satunya adalah berbeza dengan yang lain dan sukar untuk dicampuradukkan, jadi bagaimana ianya boleh dilihat sebagai satu usaha dalam mengintegrasikan pelbagai kumpulan etnik di Malaysia? Keadaan ini wujud disebabkan apabila berlakunya pertembungan budaya maka besar kemungkinan akan wujudnya perkahwinan campur di kalangan segelintir daripada masyarakat pelbagai kumpulan etnik.

Di Malaysia, orang Melayu adalah diandaikan mereka yang beragama Islam, dan dalam Islam sekiranya seseorang yang bukan Islam berkahwin dengan orang Islam maka mereka terlebih dahulu perlu ‘*masuk Islam*’. Dengan adanya perkahwinan campur ini maka secara tidak langsung proses interaksi dan integrasi di antara mereka yang terlibat akan berkembang. Walaubagaimana kita tidak dapat menafikan bahawa situasi ini tidaklah begitu ketara di Malaysia dan ianya sukar untuk dijadikan ukuran dan penunjuk dalam menilai kejayaan proses interaksi dan integrasi dalam kumpulan etnik. Ini disebabkan mungkin adanya motif dan tujuan lain yang tidak dikenalpasti dalam hubungan perkahwinan campur tersebut seperti keinginan untuk mendapat status penduduk tetap serta hak istimewa, maka jalan paling mudah bagi mereka mencapainya adalah dengan berkahwin dengan penduduk tempatan terutama sekali dengan orang Melayu yang beragama Islam.

Institusi persanakan juga menjadi arena untuk meningkatkan hubungan interaksi dan integrasi yang wujud antara setiap individu dalam kumpulan persanakan tersebut. Di Malaysia, orang Melayu umpamanya menekankan hubungan patrilineal (nasab bapa) dan ada juga yang berbentuk matrilineal (nasab ibu), manakala masyarakat India dan Cina turut mementingkan hubungan patrilineal. Jadi bagaimanakah hubungan persanakan boleh dijadikan sebagai usaha untuk meningkatkan interaksi antara kumpulan etnik di Malaysia? Sebenarnya apabila berlakunya perkahwinan campur di antara kumpulan etnik yang berbeza, mereka yang terlibat mungkin akan bertindak memeluk agama

yang sama yang pastinya akan mengundang pertembungan budaya dari dua pihak berbeza.

Perkahwinan antara orang Melayu dan India-Muslim umpamanya menembungkan dua budaya yang berbeza sama ada dari segi adat istiadat, bahasa dan warisan. Dengan wujudnya interaksi di dalam hubungan tersebut, maka lama kelamaan adalah diharapkan integrasi yang terhasil antara kedua-dua pihak dalam usaha memahami satu sama lain akan dapat diwujudkan dan keadaan ini seterusnya akan turut menyumbang kepada kesesatan integrasi dalam masyarakat tersebut khususnya. Tidak dapat dinafikan bahawa masalah sampingan lain mungkin akan wujud terutama sekali bagi generasi seterusnya yang tidak dapat menentukan dengan khusus apakah ‘bangsa’ mereka kelak.

Adakah aspek kekerapan dalam interaksi harian antara kaum merupakan ukuran bagi kita melihat sejauh manakah integrasi yang wujud? Persoalan ini cuba melihat satu lagi aspek yang penting dalam proses interaksi secara permukaan sahaja (*superficial*) iaitu dari segi kekerapan kumpulan-kumpulan etnik ini berinteraksi dalam menentukan kekuatan integrasi yang wujud. Jadi sejauhmanakah ianya benar apabila kita melihatnya daripada segi jumlah masa yang digunakan oleh kumpulan etnik tertentu untuk berinteraksi dengan kumpulan etnik yang lain dari hari ke hari, bulan ke bulan mahupun hanya setahun sekali.

Secara mata kasar, kita tidak dapat menafikan bahawa hubungan etnik kelihatan tenang dan tiada masalah dan setiap orang akan berinteraksi dengan orang lain dengan mengabaikan aspek etnik apabila perlu terutama sekali di pejabat-pejabat kerajaan mahupun di tempat awam walaupun tidak secara aktif. Interaksi yang wujud dipermudahkan lagi dengan adanya keupayaan berbahasa Melayu oleh semua kumpulan etnik walaupun ianya dimonopoli oleh orang Melayu sendiri manakala bahasa Inggeris pula semakin giat digunakan bagi mereka yang berkebolehan memahami bahasa tersebut (Clammer, 1986:61).

Menurut Clammer (1986) lagi, hubungan antara orang Melayu dan Cina di bandar umpamanya lebih banyak berkait dengan isu ekonomi walaupun ianya mungkin tidak semestinya sesuatu yang kasual atau hanya disebabkan oleh persaingan, tetapi ianya adalah hubungan persahabatan yang sememangnya wujud antara mereka. Walaubagaimanapun perhubungan dan interaksi antara mereka biasanya tidak akan berlanjutan sehingga selepas waktu bekerja.

Keadaan ini mungkin berubah sekiranya ada sambutan perayaan-perayaan utama oleh etnik-etnik tertentu seperti Hari Raya oleh penganut Islam, Tahun Baru Cina oleh penganut Buddha, Deepavali oleh penganut Hindu ataupun Krismas oleh penganut Kristian, maka amalan sikap kunjung-mengunjung ke rumah kawan-kawan adalah lebih jelas. Keadaan ini juga adalah lebih nyata di kawasan-kawasan luar bandar atau kampung berbanding dengan kawasan bandar.

Walaubagaimanapun berdasarkan pengalaman pengkaji, faktor persekitaran turut memainkan peranan penting kerana bagi mereka yang telah biasa berada di persekitaran yang terdiri dari pelbagai kumpulan etnik, masalah interaksi ini tidak atau jarang sekali timbul. Memandangkan pergaulan antara pelbagai etnik di kawasan seperti ini tidak hanya berlaku di sekolah, bahkan juga ketika aktiviti di luar termasuk di kawasan kejiranan yang sama.

Kesedaran dan pemahaman tentang agama dan budaya kumpulan etnik yang lain menjadi satu kelebihan dalam interaksi harian mereka yang mana mereka akan saling hormat-menghormati antara satu sama lain dan mengelakkan diri dari bertindak melakukan sesuatu atau berkata sesuatu yang boleh menyinggung perasaan kumpulan etnik lain. Ini akan membantu melicinkan proses interaksi yang wujud dan berupaya meningkatkan integrasi dalam kawasan tersebut.

Biasanya perhubungan yang wujud ini tidak akan tamat di situ sahaja kerana sekiranya ada di antara anak-anak mereka ini yang menyambung pelajaran di tempat lain, keakraban akan terus wujud antara mereka tanpa mengira bangsa dan agama. Hubungan mesra turut wujud apabila mereka bertemu di antara satu sama lain. Keadaan sedemikian sukar dapat disaksikan di kalangan mereka yang tidak terdedah dengan persekitaran ini, dan kajian ini akan cuba melihat sejauhmanakah proses interaksi dan integrasi ini wujud di persekitaran Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta yang terdiri dari

pelbagai etnik di kawasan bandar. Adakah polarisasi yang wujud berupaya mematahkan usaha interaksi dan integrasi di kalangan generasi pelapis seterusnya?

Di sini kita dapati bahawa senario ini bukanlah sesuatu yang baru di kalangan masyarakat Malaysia tetapi ianya telah wujud berpuluhan-puluhan tahun yang lalu dan tahap serta corak interaksi yang wujud adalah hampir sama. Jadi adakah kerana kurangnya masa yang diluangkan oleh pelbagai etnik untuk berinteraksi dengan etnik yang lain boleh menjadi penunjuk kepada tahap integrasi yang wujud di Malaysia. Tentu ianya sukar kerana dalam interaksi pelbagai kaum ini terdapat beberapa isu dan perkara yang sentiasa di ambil kira terutama antara orang Melayu yang beragama Islam dengan kumpulan etnik lain. Seterusnya kita akan melihat apakah di antara masalah-masalah yang wujud semasa proses interaksi berjalan di antara pelbagai kaum.


2.3 Masalah Interaksi yang Wujud

Sebelum meneruskan dengan mengenalpasti apakah masalah interaksi yang wujud dalam masyarakat pelbagai etnik, adalah wajar kita melihat unjuran pendapat yang agak berbeza yang dikemukakan oleh Schermerhorn (1976:97) mengenai keberkesanannya proses integrasi yang wujud dalam hubungan interaksi pelbagai kumpulan etnik. Menurut beliau:

"There are times when integration can only occur in and through conflict, and conversely, other times when conflict is necessary to reach a new order of integration... modally, integration stands for a set of harmonious relations while conflict represents destructive ones – and the exceptions will be negligible." (Schermerhom, 1976:97).

Situasi ini dapat diringkaskan dalam Carta 2.2 di bawah yang memperlihatkan hubungan yang jarang kali berlaku di antara proses integrasi dan konflik.

Carta 2.2: Hubungan yang jarang wujud antara integrasi dan konflik.



Kawasan BCFG diwakili oleh kawasan yang mana wujudnya pertembungan antara proses integrasi dan konflik dalam masyarakat. Terdapat dua sektor yang dipaparkan yang diwakili oleh dua proses utama iaitu proses

integrasi dan proses konflik, berdasarkan fenomena sosial yang berlaku dalam masyarakat, daerah BCFG merupakan garisan yang boleh bergerak sehingga ke atas sehingga AE mahupun hingga ke bawah, iaitu sehingga DH. Sekiranya andaian bahawa proses integrasi dan konflik bergerak seiring dan tidak bergerak sendiri, maka kawasan BCGH boleh bergerak sehingga seluas kawasan ADHE (Schermerhorn, 1976: 97).

Berdasarkan penerangan di atas kita tidak dapat menafikan bahawa biasanya integrasi dan polarisasi etnik akan hadir bersama di dalam kebanyakan masyarakat majmuk. Akan wujud satu pihak yang berusaha sepenuhnya bagi memastikan pengurangan dalam polarisasi etnik dan meningkatkan integrasi. Di samping itu juga akan wujud pula satu pihak lain yang berusaha untuk meluaskan jurang polarisasi etnik dan mematahkan integrasi yang wujud dalam masyarakat.

Dengan pembangunan dan permodenan yang pesat kini, pada satu-satu tahap dalam kehidupan sehari-hari, kita sedar bahawa sebenarnya tidak banyak yang berubah dari segi polarisasi dan integrasi etnik di negara kita. Ini mungkin satu petanda yang cukup baik dan sihat bagi meningkatkan usaha integrasi nasional. Ini akan kita lihat dengan lebih teliti dari hasil-hasil kajian yang telah dijalankan bagi melihat masalah interaksi yang wujud dari pelbagai perspektif seperti agama, budaya, pendidikan dan sebagainya.

Lee (1995:347-356) dalam “*The Poverty of Religion*”, melihat senario agama yang terdapat di Malaysia semenjak dua dekad yang lalu, dipaparkan melalui kronologi peristiwa kebangkitan semula isu ini yang bukan sekadar meningkatkan kesedaran antara etnik bahkan polarisasi etnik turut berkembang. Keadaan ini menurut beliau berkait rapat dengan pengaruh peristiwa global yang mana aspek agama dan politik telah diruapkan dengan sewenang-wenangnya. Walaubagaimanapun ketegangan yang wujud telah menyumbang kepada hanya beberapa insiden yang kurang menyenangkan berkaitan dengan perselisihan faham mengenai agama dan polarisasi etnik tanpa perlu menempuh konflik yang terlalu serius sehingga tidak dapat mencapai perdamaian lagi.

Sebenarnya masalah agama dan etnik ini bukannya suatu masalah yang unik di Malaysia kerana di kebanyakan negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk, masalah ini merisaukan pihak-pihak yang sentiasa berusaha dan berikhtiar untuk mencari jalan penyelesaian bagi setiap ketegangan dan kekaburuan yang wujud akibat dari sikap terlalu taksub dengan etnik masing-masing dan politik yang berlandaskan agama. Keadaan ini menjadikan isu interaksi etnik dan polarisasi etnik sukar untuk diberikan satu kata putus bagi menghadapi sebarang masalah yang timbul kerana ianya adalah isu sensitif yang melibatkan semua pihak dari pelbagai peringkat dan generasi.

Masalah perbezaan agama yang nyata jelas wujud antara pengikut agama Islam dan yang bukan Islam adalah antara sebab meningkatnya

ketegangan agama di Malaysia dan semakin besar jurang toleransi antara orang Islam dan bukan Islam. Kurangnya pemahaman latar belakang sejarah tentang agama sedunia di kalangan remaja di Malaysia menggiatkan lagi jurang agama di dalam masyarakat Malaysia. Di dorong pula dengan aktiviti-aktiviti pergerakan yang berkait rapat dengan kepentingan politik, jurang ini haruslah di ambil kira dan dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh pihak kerajaan dan pelbagai kumpulan dan organisasi terlibat dalam usaha menggiatkan serta meningkatkan integrasi nasional di Malaysia (Lee, 1995).

Seterusnya Lee dan Ackerman (1997:24-26) melihat senario perkembangan agama di Malaysia hasil dari proses permodenan dan bagaimana ia memberi kesan terhadap hubungan etnik. Semenjak kemerdekaan, perbezaan agama yang wujud antara orang Melayu, Cina dan India tidaklah sampai membawa kepada sebarang konflik yang besar. Walaubagaimanapun ketegangan tetap wujud dalam tiga isu utama ini iaitu, kedudukan orang bukan Islam dengan orang Islam, persoalan kuasa sekular yang turut berkembang dengan golongan fundamentalis Islam yang biasanya amat kritikal dengan polisi kerajaan dalam perkembangan era modernisasi dan akhir sekali adalah kemunculan pemimpin dan kumpulan berkarismatik yang mencabar kedudukan agama itu sendiri.

Jadi di Malaysia, proses modenisasi masih tidak mencapai satu tahap berupaya untuk memisahkan aspek agama dan tidak mengaitkannya dengan

pelbagai aspek kehidupan seharian masyarakatnya. Oleh itu golongan fundamentalis global (mereka yang tegas dalam isu agama) mempunyai pengaruh secara tidak langsung dalam segala aspek amalan keagamaan di kalangan masyarakat Malaysia, walaupun ada di antara reaksi-reaksi ini adalah bersandarkan kepada konteks etnik dan dakwaan budaya dalam komuniti Melayu, Cina dan India khususnya (Lee dan Ackerman, 1997:147). Keadaan yang wujud ini secara disedari atau tidak akan terus menjadikan agama sebagai salah satu landasan masalah yang perlu dihadapi dalam interaksi masyarakat pelbagai etnik di Malaysia sehingga kini.

Selain daripada isu agama, persoalan ekonomi turut menjadi perdebatan penting dalam melihat interaksi antara pelbagai kumpulan etnik. Tan Chee Beng (1995:383-420) dalam kajian beliau tentang masyarakat Cina, menerangkan bagaimana mereka ini telah hampir sepenuhnya mengalami proses akulterasi oleh masyarakat majoriti seperti yang berlaku pada Cina Peranakan di Kelantan. Menurut beliau aspek kepelbagaian budaya iaitu termasuk isu agama sendiri, tidak mengundang sebarang ketegangan antara etnik Cina dan etnik lain tetapi sebaliknya ianya berlaku sekiranya tumpuan dilihat pada aspek hubungan ekonomi. Persaingan ekonomi dikatakan sebagai faktor penentu kepada ketegangan yang wujud antara etnik Cina dan penduduk tempatan.

Di Malaysia, persaingan ekonomi masih mengundang perdebatan hebat dalam melihat hubungan etnik Cina dan Melayu. Menurut beliau lagi, kajian

hubungan etnik sebenarnya merujuk kepada kajian hubungan ekonomi serta politik antara kumpulan etnik dan antara kumpulan minoriti dan majoriti dan juga bagaimana ideologi akan berfungsi untuk menggerakkan hubungan ekonomi dan politik yang signifikan dengan hubungan antara kumpulan-kumpulan etnik ini.

Dari sini kita mendapati bahawa perbezaan dalam budaya yang wujud antara kumpulan-kumpulan etnik ini dalam konteks persaingan antara etnik turut menyumbang kepada mobilisasi etnik. Ianya turut digunakan sebagai landasan kepada manipulasi politik dan menyerlahkan identiti etnik serta memperjelaskan garisan sempadan yang wujud antara kumpulan-kumpulan etnik di Malaysia.

2.4 Peranan Institusi Pendidikan dalam Integrasi Etnik

Pada amnya, rakyat Malaysia meletakkan nilai yang tinggi terhadap peranan institusi pendidikan. Menurut Sufean Hussin (2002: 15, 118-119), umumnya masyarakat menganggap pendidikan sebagai satu bentuk pelaburan penting untuk memperkuatkan daya intelektual dan kemahiran kerja dan seterusnya untuk mendapatkan pekerjaan yang baik serta gaji yang lumayan. Banyak bukti empirikal menunjukkan bahawa terdapat pertalian rapat di antara taraf kemajuan sesebuah negara dengan taraf kemajuan dalam bidang pendidikan.

Tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun dengan pesat turut menyedari bahawa dalam usaha mengintegrasikan masyarakat tradisional ke dalam masyarakat moden dan masyarakat moden itu sendiri disatukan untuk membentuk satu negara yang membangun adalah melalui pendidikan. Pendidikan yang lebih baik bukan sahaja merupakan kekunci utama dalam masyarakat moden bahkan ianya adalah untuk memastikan daya usaha kepimpinan yang berterusan dalam menyatukan dan memodenkan masyarakat itu sendiri (Francis, 1968:343).

Selain daripada itu sistem pendidikan adalah merupakan salah satu arena penting di mana integrasi kaum disemaikan. Kerajaan melihat pendidikan sebagai satu usaha penting untuk meningkatkan usaha integrasi antara pelbagai kumpulan etnik. Sebelum negara mengecapi kemerdekaan, orang Melayu, Cina dan India mempunyai sekolah masing-masing selain daripada sekolah aliran Inggeris. Sebaliknya selepas kemerdekaan, kerajaan telah berusaha untuk mengintegrasikan semua aliran sekolah ini di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan kecuali segelintir sekolah menengah aliran Cina yang masih dijalankan secara persendirian (Tan Chee Beng, 1982:45).

Pengimplementasian program-program pendidikan adalah salah satu cara yang dikenalpasti dalam usaha mengendalikan hubungan antara etnik. Program-program ini diperkenalkan dengan harapan interaksi yang wujud di persekitaran pelbagai kumpulan etnik akan dapat membendung perasaan negatif yang wujud

antara mereka. Perancangan pendidikan di peringkat awal untuk memahami kumpulan etnik ini bertujuan untuk membataskan perasaan prejedis yang mungkin wujud ataupun mengelakkanya daripada terus menular di kalangan pelbagai kumpulan etnik (Ackerman dan Lee, 1988:140).

Bock (1972:1-39) juga telah menjalankan kajian terhadap aspek pendidikan dan integrasi sosial di Malaysia. Beliau melihat bagaimana institusi pendidikan formal ini bergerak sebagai agen perubahan sosial khususnya, dan juga selaku penganjur atau pengembang kepada integrasi dan juga identiti nasional. Menurut beliau, sekolah pada pandangan bukan Melayu adalah tempat atau ‘agensi’ yang menyediakan peluang untuk mempelajari skil tertentu sehingga ke tahap tertinggi. Manakala orang Melayu pula melihat sistem persekolahan ini sebagai ‘alat’ untuk pemerolehan status yang diwarisi setelah dewasa. Ringkasnya, bagi mereka yang tidak melihat pendidikan sebagai satu sistem perubahan yang efektif berkemungkinan tidak akan mengambil berat usaha dan nilai penting yang cuba diserapkan oleh kerajaan dalam mencapai matlamat integrasi nasional.

Terdapat dua aspek utama yang perlu ditekankan apabila kita cuba menghubungkaitkan aspek pendidikan dan integrasi nasional. Pertama sekali adalah untuk mewujudkan pendidikan yang berkualiti iaitu pendidikan itu sendiri perlulah bersifat komprehensif. Ini bererti tujuan utamanya bukanlah hanya sekadar untuk menghasilkan pelajar yang cemerlang dalam pelajaran, tetapi

sebaliknya berupaya untuk menampilkan seorang individu yang dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dan seterusnya membentuk satu masyarakat yang berupaya berfikir.

Aspek kedua pendidikan pula adalah untuk mencapai suatu bentuk pemusatan bagi masyarakat pelbagai etnik. Seperti mana yang kita dapat lihat dalam sistem pendidikan yang wujud, kita sepatutnya menamatkan sifat pengasingan yang diwujudkan oleh kita sendiri, sebaliknya berusaha untuk mendekatkan lagi hubungan pelbagai kumpulan etnik yang ada. Ini dapat disaksikan dengan melihat akan jumlah tahun persekolahan yang perlu dilalui oleh setiap individu diikuti pula oleh tahun-tahun yang dihabiskan di pusat pengajian tinggi. Pendidikan dan proses sosialisasi yang wujud masih gagal untuk meningkatkan tahap integrasi pelbagai kumpulan etnik di kalangan generasi baru di Malaysia kini.

Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk membentuk satu sistem pendidikan yang berkualiti telah menyatakan dengan jelas dalam polisi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyarankan bahawa:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohaniah, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah

bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.” (Akta Pendidikan, 1996: Akta 550).

Walaubagaimanapun menurut Mahathir Mohamad (1981) dalam bukunya “*The Malay Dilemma*”, beliau menyatakan bahawa faktor ras atau genetik adalah merupakan faktor yang menyumbang kepada kurangnya kejayaan yang dikehendaki oleh orang Melayu dalam persekitaran sistem pendidikan moden berbanding dengan orang Cina. Perbezaan budaya (seperti adat resam, tabiat, nilai, institusi dan artifak) menyediakan penerangan alternatif kenapa kumpulan-kumpulan etnik ini berbeza dalam usaha mencapai kejayaan di dalam bidang pendidikan (Brown, 1990:2).

Jadi aspek pendidikan akan lebih berkesan dan lebih berjaya sekiranya ia dapat berganding selari dengan aspek-aspek lain dalam kehidupan masyarakat pelbagai etnik kerana usaha dan inisiatif yang diambil oleh institusi pendidikan dengan sendirinya tidak akan berjaya tanpa gandingan daripada institusi-institusi lain dalam masyarakat seperti institusi kekeluargaan dan institusi sosial yang lain.

Pengimplementasian program-program pendidikan dan aspek kejiranan umpamanya dapat membantu mengendalikan hubungan etnik melalui proses asimilasi dengan lebih berkesan. Program-program yang dirangka diharapkan dapat diwujudkan dalam suasana yang harmonis di kawasan kejiranan contohnya (termasuk universiti dan kolej) yang mana ianya akan dapat membantu untuk mengenepikan sikap negatif antara etnik. Jadi pendidikan awal tentang fahaman kepentingan aspek toleransi antara kumpulan etnik diharapkan akan dapat membantu mengelakkan tersebarnya sikap prejudis di antara kumpulan etnik dan hubungan antara setiap kumpulan etnik akan bertambah erat (Ackerman dan Lee, 1988:140).

Kita sedar bahawa pelajar-pelajar inilah yang bakal menjadi penggerak kepada usaha meningkatkan integrasi kaum seperti mana yang dianjurkan oleh Institusi Pendidikan Negara kita. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memperlihatkan sejauh manakah kesinambungan proses interaksi dan polarisasi yang wujud di kalangan pelajar di universiti dan kolej terlibat telah berjaya mengeratkan hubungan etnik, ataupun adakah keadaan sebaliknya yang wujud dalam hubungan etnik tersebut.